

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai dana kecemasan yang kukuh bagi membantu pelajar-pelajar yang terjejas kebajikan mereka akibat jadual semester yang bertukar-tukar akibat Pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap kebajikan murid dan pelajar, terutamanya dalam menghadapi situasi yang mencabar akibat pandemik COVID-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak mempunyai dana kecemasan bagi membantu pelajar yang terjejas kerana jadual semester yang bertukar-tukar akibat pandemik COVID-19. Namun demikian, KPM sentiasa memastikan kebajikan pelajar dijaga dan menyediakan pelbagai bantuan apabila pelajar menghadapi kesukaran, khususnya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik COVID-19. Antara bantuan yang telah disediakan adalah keperluan makan dan minum kepada pelajar yang terkandas di kolej atau asrama. Selain itu, KPM juga mengurus dan membiayai tambang perjalanan bagi pelajar yang terlibat untuk balik ke kampung halaman masing-masing. Sekian, terima kasih.